

Empat pelajar ditahan edar dadah syabu

B/11 21/7/12 MS 42.

Petaling Jaya: Empat pelajar kolej swasta warga Nigeria dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan mengedar syabu seberat 977 gram, dua minggu lalu.

Cisse Moise, Uba Chimezie Stanley, Ahamefule Ugonna Lucky dan Chigozirim Akakem Bem berumur antara 25 hingga 32 tahun mengangguk faham apabila per-

tuduhan terhadap mereka dibacakan di dalam bahasa Inggeris oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Majistret Surya Wati Shawal.

FAKTA NOMBOR

977 gram

berat syabu yang dimiliki.

Mereka didakwa mengedar dadah itu di Rumah Blok W4-04-11, Goodyear Court 9, USJ 14 di sini, jam lebih kurang 11.30 malam, 9 Julai 2012. Semua di-

dakwa mengikut Seksyen 39 B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 memperuntukkan hukuman mati mandatori, jika sabit kesalahan.

Tiada pengakuan direkodkan daripada keempat-empat tertuduh.

Timbalan Pendakwa Raya, Siti Fatimah Yahya tidak menawarkan sebarang jaminan sebelum Surya Wati menetapkan sebutan kes pada 3 September depan.